

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.03.2014

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah penjimatan perbelanjaan negara yang berjaya diamalkan oleh Kerajaan bagi setiap sektor sepanjang 5 tahun lalu dan apakah halangan yang dihadapi untuk menjayakannya.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil inisiatif dalam melaksanakan langkah-langkah penjimatan dalam perbelanjaan negara bagi setiap sektor dan keseluruhan aspek kewangan Kerajaan

secara amnya.

2. Antara langkah-langkah penjimatan dalam perbelanjaan negara yang telah diamalkan oleh Kerajaan bagi mengawal perbelanjaan adalah seperti berikut:

(i) Memantapkan dan mengurangkan perbelanjaan awam menerusi Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2008 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2008. Langkah-langkah yang telah digariskan dalam pekeliling-pekeliling tersebut merangkumi kawalan perbelanjaan bagi perjalanan di dalam dan luar negara, penggunaan utiliti, penganjuran majlis dan seminar/kursus/mesyuarat dan lain-lain lagi.

(ii) Memperkenalkan Pengurusan Nilai atau *Value Management* dalam Rancangan Malaysia Ke10 sebagai alat pengurusan dalam pelaksanaan program/projek pembangunan Kerajaan bernilai RM50 juta dan ke atas melalui Pekeliling Unit

Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3 Tahun 2009.

(iii) Kerajaan juga melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2012 Bajet Berasaskan *Outcome* telah memperkenalkan Bajet Berasaskan *Outcome* (OBB) sebagai alat pengurusan strategik yang bertujuan untuk menambah baik reka bentuk dan operasi di bawah Sistem Belanjawan Diubahsuai (MBS).

(iv) Di bawah pelaksanaan OBB juga, Kementerian/jabatan/agensi telah diminta untuk menilai dan menyusun semula program/aktiviti/projek sedia ada. Sekiranya terdapat program/aktiviti/projek yang tidak menyumbang kepada *outcome* Kementerian, maka program/aktiviti/projek tersebut perlu dikaji semula agar sumber manusia mahupun sumber kewangan yang diagihkan dapat digunakan secara optimum.

(v) Melantik Bank Dunia untuk menjalankan kajian *Public*

Expenditure Review (PER) pada tahun 2011 yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan sektor awam. Skop kajian PER meliputi empat (4) sektor utama iaitu pendidikan, pengajian tinggi, kesihatan dan perlindungan sosial serta dua sektor *cross-cutting* iaitu pengurusan perkhidmatan awam dan pengurusan kewangan awam.

(vi) Melaksanakan perolehan Kerajaan melalui eBidding yang dibangunkan oleh Kementerian Kewangan di bawah sistem ePerolehan. eBidding membolehkan bekalan/perkhidmatan tertentu diperolehi daripada pembekal dengan lebih cepat, kos efektif serta menyediakan platform kepada pembekal bersaing secara interaktif dengan menawarkan harga tawaran terbaik yang menguntungkan Kerajaan.

(vii) Menyediakan peruntukan yang optimum melalui pemeriksaan belanjawan yang lebih ketat dengan mengkaji semula peruntukan sedia ada dan mengenal pasti penjimatan

dalam kementerian/jabatan/agensi sebelum menyediakan peruntukan baharu.

(viii) Menetapkan agar penyusunan semula struktur organisasi hendaklah berfokus kepada fungsi teras agensi, manakala perkhidmatan-perkhidmatan bukan teras perlu dikenal pasti untuk dialih daya selaras dengan matlamat penggunaan sumber yang optimum serta mengurangkan kos operasi perkhidmatan awam.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, di antara halangan yang dihadapi oleh Kerajaan dalam menjayakan perkara ini adalah menguruskan pengagihan peruntukan kewangan bagi memenuhi kehendak rakyat yang berubah berdasarkan persekitaran ekonomi semasa yang turut melibatkan perubahan dalam dasar Kerajaan.